

Penyamun alam siber

Metro 29/6/2011 4

Penggodam guna nombor akaun bank mangsa buat kad kredit palsu untuk beli-belah menerusi Internet

>>Oleh Helmy Abd Rahman,
Gaddafi Musli dan Shahrul
Redzuan

am@hmetro.com.my




KUALA LUMPUR: Awas! Apabila anda mendedahkan nombor telefon atau nombor akaun bank di Internet terutama di laman jaringan sosial, anda berpotensi menjadi mangsa penggodam sehingga menyebabkan anda kerugian ribuan ringgit sekelip mata.

Modus operandinya mudah - penggodam yang sudah memperoleh nombor telefon atau nombor akaun bank yang dinantikan, akan men-

beli untuk menjual barangan.

"Biasanya kami akan mencari dan mengumpulkan data lengkap mangsa menerusi Internet selepas memperoleh nombor akaun bank mereka. Bukan susah mencari maklumat itu kerana ia banyak didedahkan di jaringan sosial.



MAHIR...Zul dan Madi pernah aktif menggodam.

ngaturcaraan untuk mence-robah laman web yang mempunyai pangkalan data peribadi pengguna," katanya.

Kata Zul, penggodam seperti mereka lebih gemar membeli perisian di laman web kendalian negara luar bagi menyukarkan mangsa mengambil tindakan undang-undang.

"Kami biasa beli barangan di luar negara terutama di United Kingdom dan negara Eropah lain. Ada banyak syarikat menggunakan 'payment gateway' lemah dan tiada pautan dengan bank, sekali gus memudahkan 'urusan' kami.

lindungan dijamin selamat di Internet selain kealpaan dan kurangnya kesedaran di kalangan pengguna memudahkan penggodam mengambil kesempatan.

"Tidak sukar untuk mencuri data dan membuat kad kredit palsu, malah orang biasa yang bukan penggodam juga boleh memikirkannya. Untuk menggodam pula, sangat banyak saluran di Internet yang menunjukkan caranya," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan kegiatan mereka dikesan dan seterusnya dikenakan tindakan undang-undang, Madi berkata, dia dan Zul...

cari dan mengumpulkan maklumat peribadi mangsa di Internet sebelum membuat permohonan bagi mendapatkan kad kredit menerusi Internet.

Apabila menerima kad kredit itu, penggodam akan mencari laman web menjual pelbagai produk melalui urusan niaga Internet yang lemah sistem keselamatannya dengan menggunakan teknik dan kod tertentu.

Seterusnya, mereka akan menggunakan kad kredit yang belum diaktifkan untuk membeli pelbagai produk yang dikehendaki.

Taktik digunakan penggodam yang dikenali 'Black Hat Hacker' atau 'Cracker' itu didedahkan kepada Harian Metro oleh dua sahabat yang hanya mahu dikenali Zul dan Madi.

Mereka yang berusia 30-an pernah aktif menjadi penggodam sedikit masa lalu untuk mendapat keuntungan dengan cara mudah.

Zul berkata, kebanyakan mangsa mereka terdiri daripada individu yang mampukan nombor akaun bank di jaringan sosial atau portal jual

"Jika mereka (mangsa) sembunyikan identiti seperti nombor telefon atau alamat pun, kami boleh ceroboh kerana laman jaringan sosial tidak mempunyai perlindungan yang terlalu sukar untuk digodam.

"Maklumlah, benda (perkhidmatan) percuma, lagi pun mereka (jaringan sosial) tak akan bayar apa-apa ganti rugi kalau maklumat ahli dicuri atau digodam," katanya.

Menurutnya, apabila sudah mendapat semua maklumat dikehendaki, mereka akan wujudkan e-mel palsu menggunakan data yang diperolehi dan membuat permohonan kad kredit.

"Mudah beli barang guna kad kredit yang belum aktif. Caranya ialah dengan mencari perkhidmatan 'payment gateway' iaitu pihak ketiga yang memproses urusan jual beli antara pembeli dan penjual serta tiada pautan dengan bank. Pendek kata, mereka tiada maklumat mengenai pembeli

"Penggodam seperti kami mampu mencipta aplikasi tersendiri menggunakan kepakaran dalam bidang pe-

>Rakyat kita rugi RM150j

KUALA LUMPUR: Akibat penipuan di Internet, rakyat Malaysia kerugian hampir RM150 juta kepada penjenayah siber sejak 2007.

Statistik mengejutkan itu menunjukkan betapa mudahnya rakyat negara ini terpedaya taktik penjenayah licik yang memburu mangsa di alam siber.

Ketua Unit Keselamatan Siber, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Superintendan Victor Sanjos, berkata berdasarkan trend semasa, fenomena ini akan menjadi wabak menyebabkan jumlah kerugian pengguna terus meningkat.

"Perkembangan teknologi semakin canggih dan kebanyakan urusan harian kini dijalankan melalui

Internet, sudah tentu peluang untuk melakukan jenayah siber semakin bertambah," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Menurutnya, berdasarkan statistik rasmi sehingga Mei tahun ini, taktik penjenayah siber yang menggunakan laman sosial untuk memperdayakan mangsa menerusi taktik 'bungkusan berharga' paling tinggi membabitkan kerugian RM34 juta sejak 2008.

"Taktik bungkusan berharga ini merujuk kepada pengguna yang diperdaya untuk menyerahkan sejumlah wang kononnya untuk menebus barangan milik mereka yang berada dalam simpanan Jabatan Kastam, sedangkan barang itu tidak wujud," katanya.

"Buktinya, dalam dua tahun menjalankan aktiviti ini, kami memperoleh barangan bernilai hampir RM10,000," katanya sambil menunjukkan sebahagian bukti penerimaan barangan yang ditempah menggunakan kad kredit palsu.

Menurut Madi pula, mereka banyak mendapat perisian secara percuma kerana proses untuk membeli produk berkenaan melalui urusan niaga Internet lebih mudah dan mengambil masa singkat berbanding barangan lain seperti barangan elektrik dan pakaian.

"Memang boleh jika nak beli barang fizikal seperti produk elektrik, tetapi biasanya urusan jual beli memerlukan masa berhari-hari dan tempoh itu membolehkan 'payment gateway' memeriksa lebih lanjut maklumat pengguna.

"Apabila mereka tahu kad kredit digunakan belum diaktifkan, mereka akan baltakan serta-merta urusan pembelian," katanya.

Madi berkata, keengganan segelintir syarikat melabur untuk membeli sistem per-

Zul fikir mengenai, sebab itu mereka kini berhenti melakukan kegiatan terbahit.

"Biarpun tahu sukar untuk mangsa mengambil tindakan ke atas kami kerana tiada sebarang transaksi dijalankan dan penjual tidak boleh menuntut bayaran daripada bank atau pembeli, kami sedar bukan selamanya kami akan terlepas daripada dikesan," katanya.

Madi berkata, dia dan Zul sedia berkongsi pengalaman sebagai penggodam bukan untuk mencari publisiti murah, sebaliknya berharap pihak tertentu sedar mengenai banyak kelemahan keselamatan yang wujud dalam urusan niaga melalui Internet.

"Selain itu, kami berharap orang ramai yang kini ghairah menggunakan laman sosial seperti facebook dan akaun e-mel, sedar mengenai bahaya atau risiko mendedahkan maklumat peribadi mereka sewenang-wenangnya di Internet," katanya.

